



Program tanpa plastik mengelirukan

● Tiada notis awal, orang ramai tak tahu program Hari Tanpa Beg Plastik

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Faris Fuad

bhnewsi@bh.com.my

■ Shah Alam

Ketika tiada notis awal berhubung Hari Tanpa Beg Plastik selama tujuh hari seminggu dilaksanakan Kerajaan Selangor, mengelirukan pengguna.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sefnonyih, Datuk Johan Ab Aziz, dalam kenyataan berkata, pelaksanaan itu yang berkuatkuasa 1 Januari lalu tanpa pemberitahuan awal, menyebabkan ada pengguna yang tidak tahu.

"Terdapat pengguna yang tidak tahu mengenai pelaksanaan program ini dan mereka terpaksa membayar untuk mendapatkan beg plastik.

"Rata-rata mereka tidak bersedia dengan pelaksanaan program sebegini tanpa notis awal menyebabkan mereka terpaksa membayar 20 sen untuk memudahkan barang dibeli dibawa pulang," katanya.

Belum bersedia

Johan berkata, pada mulanya, ada pengguna yang meluahkan rasa tidak puas hati menyalahkan kerajaan Persekutuan walaupun pelaksanaan itu dibuat kerajaan Selangor.

"Kebanyakan mereka tidak tahu mengenai program ini, ada yang marahkan kerajaan Persekutuan kerana mereka ingat kerajaan Persekutuan yang mengadakan program sebegini."

"Saya difahamkan hasil kutipan daripada 'penjualan' beg plastik ini terpulang kepada peniaga untuk menggunakan bagi program

khidmat masyarakat.

"Bagaimanapun, bolehkah kita pastikan ia benar-benar digunakan untuk khidmat masyarakat?" katanya.

Beliau berkata, biarpun Kerajaan Persekutuan juga mengadakan program hari tanpa beg plastik, ia hanya dijalankan setiap Sabtu.

Katanya, kini, pengguna di Selangor terpaksa membayar beg plastik untuk barang dibeli setiap hari.

Sementara itu, Pakar Alam Sekitar, Amlir Ayat, berkata pengharaman beg plastik itu perlu dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan pengguna mempunyai masa untuk menyesuaikan diri.

Katanya, beliau bersetuju dengan cadangan untuk mengharakan penggunaan plastik, namun ia menjadi keperluan untuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menganjurkan kempen membabitkan isu ini bagi menerangkan lebih mendalam mengenai kepentingan pengharaman beg itu.

Marah, keliru

"Kita takut kalau tindakan terlalu drastik hanya menimbulkan kemarahan atau kekeliruan dalam kalangan pengguna."

"Wakil PBT digalak turun 'padang' untuk lihat sendiri implikasi tidak menggunakan plastik. Pada masa sama, didik pengguna mengenai kepentingannya (tidak guna beg plastik).

"Beri kesedaran kepada masyarakat berhubung kesan jangka panjangnya kepada kesihatan dan alam sekitar," katanya.



06 Jan 2017

Berita Harian, Malaysia

Author: Rafidah Mat Ruzki • Section: Nasional • Page: 13 • Printed Size: 690.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 23,694.00
PR value: MYR 71,082.00 • Item ID: MY0028098490

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakot@kotongor@gmail.com



isentia.mediaportal


Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

ISU HARI TANPA BEG PLASTIK



Sebuah pasar raya sekitar Pelabuhan Klang meletakkan notis mengenai pelaksanaan Bebas Beg Plastik dan Polistirena yang berkuat kuasa tahun ini.



Seorang pekerja pasar raya memasukkan barang dibeli pengguna ke dalam beg plastik.



Sebahagian pelanggan yang memerlukan beg plastik ketika membeli-belah di sebuah pasar raya sekitar Pelabuhan Klang berikut pelaksanaan Bebas Beg Plastik dan Polistirena yang dilaksana berkuat kuasa tahun ini.



Rata-rata mereka tidak bersedia dengan pelaksanaan program sebegini tanpa notis awal menyebabkan mereka terpaksa membayar 20 sen untuk memudahkan barang dibeli dibawa pulang ”

Johan Ab Aziz,
ADUN Semenyih

Headline	5 ditahan bantu siasatan kes letupan bunga api		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Jan 2017	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	27	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	100 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,815
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,446



5 ditahan bantu siasatan kes letupan bunga api

Klang: Lima lelaki termasuk empat kakitangan Majlis Perbandaran Klang (MPK) ditahan untuk membantu siasatan kes letupan bunga api pada program sambutan tahun baharu sempena Fiesta GEGAR Klang 2016 di Kompleks Sukan Pandamaran di sini, tengah malam Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Alzafny Ahmad, berkata lima lelaki berkenaan ber-

usia dalam lingkungan 30 hingga 40 tahun ditahan kelmarin dan awal pagi semalam.

Serah diri

"Empat daripada suspek adalah kakitangan MPK dan seorang lagi suspek orang awam.

"Ada antara mereka yang menyerah diri, manakala selebihnya ditahan di sekitar bandar Klang," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, semua suspek ditahan reman sehingga Ahad ini untuk membantu siasatan.

Seramai 14 penonton cedarapabilabungaapi melerup di atas tanah dan terpercik ke arah penonton pada tengah malam sambutan tahun baharu Ahad lalu iaitu pada acara kemuncak Fiesta GEGAR Klang 2016 yang diadakan di Kompleks Sukan Pandamaran, Pelabuhan Klang.

Headline	Jangan ambil mudah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	51,52	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	343 cm ²
Journalist	Mohamad Zulfaizan Mansor	AdValue	RM 11,778
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,334



ISU PEMECATAN ZAINAL ABIDIN

‘Jangan ambil mudah’

• Persatuan Jurulatih Bola Sepak Malaysia (PJBSM) menganggap tindakan pengurusan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) memecat pengendali The Red Giants, Zainal Abidin Hassan hanya menerusi Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) sebagai tidak betul kerana dilakukan tanpa mengikut prosedur **Ms.51**.

‘Pecat guna SMS tak betul’

• Persatuan negeri, kelab disaran lebih profesional

Oleh Mohamad Zulfaizan Mansor

zulfaizan@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Persatuan Jurulatih Bola Sepak Malaysia (PJBSM) kesal dengan tindakan pengurusan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) memecat pengendali The Red Giants, Zainal Abidin Hassan hanya menerusi Khidmat Pesanan Ringkas (SMS).

Setiausaha Kehormat PJBSM, Superintendant, Mohd Dali Wahid berkata tindakan itu tidak betul kerana setiap tindakan yang dibuat oleh persatuan atau kelab mestilah mengikut kontrak.

“Itu perkara yang tidak betul, perkara ini seperti yang saya capkan iaitu kena ikut kontrak. Benda macam ini kita tidak boleh ambil mudah.”

“Persatuan perlu lebih profesional dalam memecat atau melepaskan jurulatih, sama seperti ketika mula-mula mahu mengikat mereka,” katanya kepada BH Su-

kan, semalam.

Beliau berkata, sepatutnya perkara itu boleh diselesaikan dengan profesional sekiranya ia dilakukan mengikut prosedur berdasarkan apa yang terkandung dalam kontrak.

“Bagi pihak persatuan (PJBSM), kita rasa kecewa dengan apa yang berlaku, sepatutnya benda itu kena selesaikan mengikut kontrak yang sudah ditetapkan.”

FAM boleh ambil tindakan

“Dari segi bantuan, kita boleh bawa perkara itu kepada FAM (Persatuan Bola Sepak Malaysia). Kita sedia memanjangkan surat berkaitan masalah itu dan FAM yang akan ambil tindakan.”

“Buat masa sekarang, kita tunggu dulu keputusan daripada Zainal dan FAS. Kita juga tunggu surat Zainal dan pada saya, dia sebagai Timbalan Presiden PJBSM pun fa-

ham apa yang perlu dilakukan,” katanya.

Zainal menerusi sidang media kelmarin mengesahkan masih belum menerima sebarang surat pemecatan rasmi dari FAS sehingga sekarang, meskipun dipecat pada Ogos tahun lalu.

Beliau menegaskan betapa tindakannya membangkitkan isu itu bukan untuk mempertahankan jawatan dan menyalahkan mana-mana pihak, tapi mahu pengurusan yang lama iaitu ketika Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Amrudin Shari masih selaku Presiden FAS dan pengurus pasukan Selangor bertanggungjawab terhadap masalah yang dihadapi ketika ini.

Selain tidak berpuas hati hanya dipecat menerusi SMS dan kenyataan media, Zainal turut menuntut kepimpinan lama FAS melunaskans 13 bulan gajinya sehingga November 2017.

Headline	Jangan ambil mudah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	51,52	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	343 cm ²
Journalist	Mohamad Zulfaizan Mansor	AdValue	RM 11,778
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,334



Fokus rakyat sokongan PAS melonjak

PANDU: Motto PAS Selangor 'Bakti Untuk Semua' dengan pendekatan mesra rakyat menjadikan Adun-adun PAS mendapat sokongan tinggi daripada rakyat negeri Selangor.

Pesuruhjaya PAS Selangor, Dato' Iskandar Abdul Samad berkata satu kajian telah dilakukan oleh golongan akademik melihat bahawa sokongan rakyat terhadap pimpinan dan PAS Selangor semakin tinggi.

Katanya ini ekoran perkhidmatan terbaik yang diberikan oleh 13 Adun PAS dan pimpinan-pimpinan PAS kawasan melalui skim yang diberikan kerajaan negeri Selangor iaitu 'Memasyarakatkan Ekonomi Selangor' (MES).

"Setiap Adun fokus dengan memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Kita tidak ada pilih bila. Semua rakyat yang layak menerima manfaat daripada kerajaan, kita akan bagi tanpa mengira bangsa, fahaman politik dan agama," tegasnya.

Tambah beliau, perkhidmatan Adun dengan menonjolkan keperibadian yang baik amat penting untuk menarik kepercayaan masyarakat kepada PAS.

Katanya dengan perkhidmatan dan keperibadian baik Adun-adun PAS dapat membuktikan bahawa sega-



Dato' Iskandar diiringi Ketua Kampung Pandan Dalam, Abu Hanifah Abdul Rahman dan Pegawai Pusat Khidmat Dun Chempaka, Suhaimi Ghazali semasa juga menggunggu rambut percuma dalam program akhir tahun 2016.

la fitnah atau dakwaan DAP serta PAN tidak betul.

Menurutnya, DAP dan PAN melemparkan fitnah kononnya PAS tidak mesra dengan golongan bukan Islam; PAS ketepikan golongan profesional dan hanya duduk dalam kelompok sendiri saja.

"PAS juga sering dikaitkan akan bersatu dengan Umno. Ini semua tidak betul. PAS menjadi mangsa eksplotasi pihak media," tegaskannya.

Beliau ditemui dalam program Mega 'Kembali ke Sekolah' anjuran Dun Chempaka di dewan kampong Pandan Dalam, Ahad



Siapa kata pimpinan PAS diuduk dalam kelompok mereka sendiri. Golongan remaja Melayu dan India begitu teruja apabila melihat Pesuruhjaya PAS Selangor, Dato' Iskandar Abdul Samad. Pendekatan mesra dan sayang Dato' Iskandar disenangi oleh golongan remaja Pandan.



Sebahagian daripada kanak-kanak sekolah yang menerima sumbangan beg sekolah kerajaan negeri Selangor melalui Adun Chempaka, Dato' Iskandar Abdul Samad.

tanya.

Beliau berkata, Dun Chempaka telah melaksanakan program Eng-

lish Chempaka setiap kali cuti sekolah; klinik bola sepak; latihan memasak dan kraftangan; latihan ke-

wartawan dengan tujuan menambah ilmu kepada setiap individu yang tinggal di Chempaka.

Pendekatan ilmu buka ruang Hasbullah pikat rakyat

Oleh NORFAZLINA ROSLI

GOMBAK: Adun Gombak Setia, Ustaz Hasbullah Ridzwan berkata, pendekatan menanam ilmu di samping sumbangan kebaikan memberi kesan kepada masyarakat Dun Gombak Setia untuk turus menyokong PAS dan kerajaan negeri Selangor.

Katanya, penambahan ilmu dan pendekatan kepada ilmu agama dalam setiap kali program menjadikan mereka lebih terbuka untuk menerima perubahan dalam politik.

Menurut beliau di samping itu setiap Adun dan kerajaan negeri tidak melupakan tanggungjawab untuk melaksanakan projek pembangunan yang sesuai.

Beliau ditemui dalam program 'Back To School' dan gunting rambut percuma di masjid Rahimah, Greendwood, Ahad lalu.

Katanya, sumbangan baucer bernilai rm50 setiap seorang dan gunting rambut percuma itu boleh membantu meringankan tanggungan

ibu bapa yang berhadapan dengan kenaikan harga barang-barang keperluan asas.

Seramai 600 orang kanak-kanak menerima sumbangan baucer *Back To School* dengan melibatkan kos berjumlah RM30,000.

Berdasarkan sambutan ibu bapa dan kanak-kanak terpancar wajah gembira dan rasa bersyukur kerana mendapat wakil rakyat dan kerajaan yang prihatin dengan masalah rakyat.

Hasbullah yang juga Timbalan Yang Dipertua PAS Kawasan Gombak berusaha untuk memastikan tiada seorang masyarakat di Gombak tertinggal memperolehi manfaat hasil kerajaan negeri Selangor.

Kebijaksanannya membagikan masa untuk jemaah dan rakyat menjadikan beliau antara Adun PAS yang kerap dan cepat turun padang ketika rakyatnya ditimpak sesuhan.

Dun Gombak Setia antara kawasan yang kerap ditimpak bencana antara

nya tanah runtuh dan pokok tumbang terutama ketika berlaku hujan lebat dan angin kencang.

Katanya, kejadian tanah runtuh yang melibatkan kawasan dapur dan belakang rumah penduduk kerap berlaku di tempat yang sudah direzab oleh kerajaan.

"Sepatutnya kawasan tersebut bukan kawasan untuk dibina rumah atau dibangunkan kerana faktor geografi yang sudah dienalpasti sebagai tempat yang tidak sesuai," katanya.

Bagi mengatasi masalah yang sering berlaku di kawasan rumah yang dibina di atas rezab kerajaan katanya, "Kita ada mesyuarat khas di peringkat daerah untuk

jangka panjang."

Sekarang ini kata beliau telah dilakukan langkah jangka pendek dengan pemindahan dan penutupan tanah di tempat berlakunya runtuh.

Keprihatinan dan kesungguhan membantu me-

nyelesaikan masalah rakyat dilakukan tanpa mengira fahaman politik, agama dan bangsa.

Begitu juga keprihatinan beliau terhadap masyarakat orang Asli yang tinggal di Batu 12 Jalan Gombak. Walaupun masyarakat orang Asli berada di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli Selangor (JAKOA), beliau tetap menghulurkan sumbangan dan bantuan.

Jalinan hubungan kasih sayang dengan masyarakat orang Asli termetri bukan sahaja sebelum pilihan raya tetapi berterusan sehingga beliau bergelar Yang Berhormat.

"Saya tidak bezakan walaupun saya faham masyarakat orang Asli mempunyai kekangan yang tinggi. Kita tetap mengambil pendekatan, kita pergi kepada mereka. Kita rai majlis perkahwinan mereka, sumbangan hari raya dan sebagainya," katanya.

06 Jan 2017

Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: N22

Printed Size: 710.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color

Ad Value: MYR 5,830.19 • PR value: MYR 17,490.57 • Item ID: MY0028091143

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3



Lawatan tapak bersama Ahli Majlis MPS Zon 1, Mohamad Azizul Abu Bakar, Jurutera Daerah JKR, MPS, Roadcare, MTD Prime, Penghulu dan Ketua Kampung Gombak Utara ke kawasan banjir Gombak Utara.



Adun Gombak Setia yang mudah senyum dan rai kehadiran kanak-kanak menyebabkan bellau disenangi oleh pelbagai lapisan masyarakat.



Ustaz Hasbulah bersama Pegawai PKM Gombak Setia merai sebahagian 600 penerima sumbangan baucer persekolahan dalam program 'Back To School'.

06 Jan 2017

Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: N22

Printed Size: 710.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color

Ad Value: MYR 5,830.19 • PR value: MYR 17,490.57 • Item ID: MY0028091143

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3



Ustaz Hasbuliah Ridzwan selesa melakukan gotong royong bersama Lembaga Zakat Selangor di sebuah rumah asnaf di Sg. Salak, Batu 10, Gombak Utara.



Menyantuni dan meraih kehadiran kanak-kanak yang berusia 3 tahun, Umar dengan memberi sebungkus biskut bagi menggembirakan kanak-kanak tersebut.



06 Jan 2017
Harakah, Malaysia

Author: Saidah Hairan • Section: General News • Page: N21 • Printed Size: 194.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 1,593.04
PR value: MYR 4,779.12 • Item ID: MY0028091140

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAU BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

PAS Selangor tidak mahu pemimpin 'Touch And Go'

Ole SAIDAH HAIRAN

PANDAN: PAS Selangor tidak memerlukan pemimpin bersifat 'Touch And Go' yang tidak mempunyai pegangan dan dasar yang jelas untuk mentadbir dan memajukan rakyat negeri Selangor.

Naib Presiden PAS, Dato' Iskandar Abdul Samad menegaskan PAS Selangor memerlukan pemimpin yang komited dan memahami budaya serta adat orang Selangor.

Katanya pemimpin yang komited mampu bekerja keras untuk mempertahankan kemenangan PAS di negeri Selangor pada pilihan raya umum ke-14 nanti.

"Kita tidak mahu orang yang bersifat 'Touch And Go'. Kita tidak mahu mereka lari meninggalkan Selangor apabila kalah dan tidak



Siapa kata pimpinan PAS diuduk dalam kelompok mereka sendiri. Naib Presiden PAS, Dato' Iskandar Abdul Samad diserbu kanak-kanak daripada masyarakat India di program mega Pandan.

mahu bekerja bersama-sama," tegasnya.

Tambah beliau tidak ada masalah pemimpin yang hadir ke Selangor itu orang luar atau anak jati negeri tetapi yang penting mereka

mesti komited untuk rakyat Selangor.

Beliau yang juga Pesuruhjaya PAS Selangor mengingatkan pimpinan dan ahli PAS supaya berhati-hati dengan segala tindakan

yang dilakukan.

Ini kerana katanya di negeri Selangor mempunyai kepelbagaiannya bangsa dan agama berbeza dengan negeri-negeri lain.

"Hubungan pimpinan PAS Selangor di semua peringkat bersama masyarakat bukan Islam sehingga kini amat baik dan ia bukan hanya dilakukan pada musim pilihan raya tetapi ia berterusan," katanya.

Menurut beliau pimpinan PAS Selangor perlu berhati-hati dalam menjawab segala persoalan dari pihak media kerana ia berkemungkinan akan dieksplorasi.

Katanya, rakyat di Selangor memuji sikap dan tindakan 13 Adun PAS serta seorang Ahli Parlimen PAS yang sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.



06 Jan 2017
Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: N21
Printed Size: 109.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white
Ad Value: MYR 776.00 • PR value: MYR 2,328.00 • Item ID: MY0028091141

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

3 penjuru tanggung akibat bersama

PANDAN: Pesuruhjaya PAS Selangor, Dato' Iskandar Abdul Samad mencabar parti baharu PAN jika ditubuhkan untuk menggantikan PAS parti itu mesti berani berhadapan dengan PAS pada pilihan raya umum nanti.

Beliau memberi amaran jangan pula menyuruh parti lain berlawan dengan PAS kerana tidak berani untuk berhadapan dengan PAS.

"Sama-sama kita menanggung akibatnya.

Kami tidak ada masalah jika PAN hendak bertanding di kerusi-kerusi yang dimenangi oleh PAS atau pernah ditandingi oleh PAS," tegasnya.

Menurut beliau, ia adalah hak mereka di dalam sebuah negara demokrasi tetapi jika betul hendak menggantikan PAS maka silakan bertanding melawan PAS.

"Jangan pula menyuruh parti lain berlawan dengan

PAS kerana tidak berani berhadapan dengan PAS.

"Kami tunggu," tegasnya.

Beliau yang juga Adun Chempaka berkata, PAS Selangor bersedia menghadapi apa sahaja landskap politik baru dalam pertembungan tiga penjuru pada pilihan raya umum ke-14.

Katanya sama ada pertandingan dua penjuru atau tiga penjuru jentera pilihan raya PAS telah bersedia untuk menghadapi apa sahaja kemungkinan.

Exco kanan kerajaan negeri Selangor itu menegaskan jika ada persetujuan untuk dua penjuru, PAS boleh menghormatinya.

"Jika tidak ada persetujuan dan akan berlaku "free for all", PAS bersedia untuk menerokai kawasan-kawasan baru," tegasnya.

Tambah beliau jentera PAS berupaya dikerah menghadapi kemungkinan tersebut.

Menjelang PRU14

PAS Sabah sedia tanding 50 kerusi Dun

HARAKAH: Bolehkah tuan jelasnya serba sedikit apakah masalah yang berlaku di Sabah ini khususnya di kawasan Kota Belud?

AMINUDDIN: Isu pembangunanlah di Sabah ini seperti mana yang diumumkan pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 dahulu, rakyat sudah bangkitkan mana Lebuhraya PAN-Borneo dan sekarang dalam Bajet 2017, Perdana Menteri (PM) Dato' Seri Najib Tun Razak telah kemukakan dan sedang dilaksanakan. Jika di Kota Belud ini masalah bekalan air menjadi masalah. Sebelum PRU ke-13 tahun 2013 lalu, pemasangan paip begitu rancak dipasang. Selepas pilihan raya air masih tidak ada lagi.

Saya dengan beberapa orang pimpinan PAS Sabah telah melawat ke loji rawatan air. Pada mulanya, mereka (pegawai) tidak mahu bekerjasama kerana "takut." Setelah berbincang dan menyatakan tujuan kami (PAS) datang mahu tahu apa masalah sebenar yang menjadi masalah kepada bekalan air khususnya di Kota Belud ini. Bahkan, baru-baru ini ada penduduk dan orang kampung buat demonstrasi kerana masalah air tersebut.

Kami diberitahu oleh pihak terbabit bahawa setiap dua bulan sekali laporan dibuat kepada pihak kerajaan negeri Sabah tentang masalah bekalan air itu. Bayangkan, sejak dari tahun

70-an air yang dirawat itu disimpan di satu tempat atau loji hingga hari ini belum ada pembesarannya.

Pengguna semakin ramai dan macam mana loji muah tampung dengan jumlah kapasiti yang besar. Jika dahulunya hanya untuk rakyat di Kota Belud sahaja tetapi sekarang telah adanya hospital, sekolah-sekolah menengah yang banyak dan pertambahan perumahan rakyat. Jadi macam mana bekalan air terawat itu mahu mencukupi penggunaanya. Laporan telah dibuat beberapa kali supaya pihak berwajib menambah-baik loji yang sedia ada sejak tahun 70-an lagi.

Sekarang kita (rakyat) sudah tahu kenapa masalah air berlaku di Kota Belud. Apabila kita (PAS) terangkan kepada rakyat timbul pula persoalan baharu. Pemimpin mereka (Barisan Nasional) memberitahu bahawa kerajaan akan membina empangan. Kita (PAS) dituduh membangkang cadangan kerajaan negeri yang mahu membina empangan pada

PRU13 lalu. Sebenarnya, tidak timbung isu bina empangan di sini (Kota Belud) kerana kita semua tahu bukan masalah air tiada di sini. Air banyak di Kota Belud ini sebab air dari Gunung Kinabalu tidak pernah putus. Apa yang menjadi masalah adalah loji tempat simpanan air terawat tidak diperbesarkan bagi menampung kapa-

siti penggunanya.

Apakah isu sebenar yang terjadi apabila sering kali berlakunya tragedi kebakaran rumah setinggan di Sabah ini?

Ya, sering kali berlaku kebakaran rumah setinggan di Sandakan, Kudat, Tawau dan sebagainya. Saya pun bertanya-tanya juga kenapa. Dahulunya, tidak berlaku kebakaran yang kerap dan perumahan itu diduduki secara setingganlah. Tetapi, kenapa hari ini berlaku kebakaran yang banyak dan sebagai orang biasa (rakyat) tertanya-tanya persoalan itu. Apakah itu kerana ada perancangan yang "jahat"? Manakala, kawasan yang kerap kali berlaku kebakaran itu majoritinya muslim, orang Islam. Kami (PAS) telah pergi melawat di kawasan kebakaran di Kudat, Sandakan dan Tawau semuanya tempat orang Islam. Jadi, sedihlah kerana yang jadi mangsanya ramai orang Islam yang kehidupan mereka susah. Jumlah keseluruhanya saya tidak pasti tetapi majoritinya rumah kediaman orang Islam.

Saya tidak ada jawapannya kenapa orang Islam di sini sentiasa mendapat ujian seperti itu. Kita minta pihak berkuasa boleh siasat dengan telus dan adil.

Bagaimana perkembangan politik PAS di Sabah mutakhir ini?

Setakat ini di Sabah sejak

tahun 2015. Parti KeADILan Rakyat (PKR) dan DAP telah mengisyiharkan kita (PAS) dikeluarkan dari Pakatan Rakyat (PR) di Sabah. Walaupun kita (PAS) tidak bersetuju dengan tindakan (keluar) itu tetapi mereka tetap dengan keputusan Pakatan Rakyat Sabah tidak mahu lagi PAS. Sekarang ini, kita (PAS) bersendirianlah di Sabah ini dari sudut politik.

Kemudian, dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Sabah baru-baru ini telah meluluskan perempadanan baharu pilihan raya yang melibatkan 13 kerusi Dun tambahan. Jadi hari ini telah ada 73 kerusi Dun Sabah. Sebelum ini, pada PRU13 dahulu ada 60 kerusi Dun dan sekarang 73 kerusi Dun di Sabah.

Apabila begitu, dari persepsi masyarakat jika PAS mahu menguasai (memerintah) negeri kena bertanding banyak kerusi Dun bagi menggambarkan kita (PAS) bersungguh dan berkeyakinan, hendak berkuasa. Maka, kita (PAS) akan bertanding pada PRU ke-14 nanti sebanyak 40 hingga 50 kerusi Dun. Kita hendak beritahu rakyat bahawa kita (PAS)-benar-benar serius untuk kuasai kerajaan negeri Sabah. Walau macam mana pun itu bergantung kepada keputusan PAS Pusat kerana kita secara umumnya PAS masih ada pakatan dengan PKR khususnya di Selangor.

Jika PAS Sabah akan bertanding antara 40 hingga 50 kerusi Dun, agak-agaklah berapa kerusi Dun di kawasan Kota Belud ini sendiri?

Di kawasan Kota Belud, sebelum ini pada PRU ke-13, PAS hanya bertanding tiga Dun dan satu Parliment Kota Belud ketika dalam Pakatan Rakyat. Sekarang ini dengan persempadanan baharu pilihan raya telah jadi empat Dun.

dan Parliment masih satu.

Kita (PAS Sabah) telah pun bermesyuarat dan memutuskan kerusi-kerusi sebanyak empat Dun di Kota Belud ini kita akan bertanding semua dan satu untuk Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP), insya-Allah. Sebab dari empat Dun itu ada satu yang majoriti pengundinya non-muslim. Jadi, kita (PAS) hendak cari juga seorang calon kita dari DHPP untuk kita

beritahu rakyat Sabah dari sudut politiknya bahawa kita (PAS) tidak perkauman.

Pada PRU13 lalu, PAS Sabah bertanding berapa banyak kerusi Dun dan Parlimentnya?

Ya, pada PRU13 lalu itu kita (PAS) bertanding 9 kerusi Dun dan dua Parliment. Tetapi hanya tiga Dun yang kita hilang deposit, enam Dun tidak hilang cuma belum menang. Be-

gitu juga dengan satu Parliment di Batu Sapi yang kita kalah itu setaraf dengan kekalahan PAS di Semenanjung iaitu dalam 43 peratus. Pada PRU14, insya-Allah jika diizinkan kita (PAS) akan tanding 15 kerusi dari 25 kerusi Parliment. Kita searah kepada PAS Pusat buat keputusannya dan berapa kerusi yang dipersetujuinya dan kita (PAS) akur di Sabah.


PAS Sabah telah menyatakan pendirian parti dengan meletakkan sasaran bertanding antara 40 hingga 50 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) dan 15 kerusi Parliment di Sabah pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14, akan datang. PAS Sabah kini bersendirian setelah ditendang keluar oleh rakan Pakatan Rakyat (PR) terdiri dari Parti KeADILan Rakyat (PKR) dan DAP pada tahun 2015 lalu.

Pesuruhjayaan, Mohd Aminuddin Aling berkata demikian dalam satu temubual bersama wartawan senior Harakah, Khairul Azlam Mohamad pada satu program Reunion Alumni Sabah Lepasan Institut Berakan (IB) dan Ma'ahad Darul Quran (MDQ) di Pondok Fiidzilalil Quran, Kampung Tamau, Kota Belud, Sabah, 25 Disember lalu. Beberapa isu rakyat setempat turut dibangkitkan oleh Pesuruhjaya PAS Sabah itu secara ringkas terutama di kawasan Kota Belud dan berikut adalah temubual tersebut.





Pesuruhjaya PAS Sabah, Mohd Aminuddin Ailing (tiga kiri) dan Timbalannya, Awang Laiman Ikin (dua kiri) pada satu majlis di Pondok Fidzilalil Quran, Kampung Tamau, Kota Belud, Sabah, 25 Disember lalu.



PAS melihat potensi Sabah pada masa akan datang.



Sebahagian dari peserta Reunion Alumni Sabah Lepasan Institut Berakan (IB) dan Ma'ahad Darul Quran (MDQ) di Pondok Fildzilalil Quran, Kampung Tamau, Kota Belud, Sabah, 25 Disember lalu.



06 Jan 2017

Harakah, Malaysia

Author: Roslan • Section: Supplement 1 • Page: F11 • Printed Size: 488.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,007.23
PR value: MYR 12,021.69 • Item ID: MY0028091152

PEJABAT SETIAHSA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDU KIZZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahsorong@gmail.com



sisentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

TAHUN 2017 baru sahaja melangkah masuk yang pastinya menjanjikan seribu satu kemungkinan dengan izin dan ketentuan Allah SWT. 2016 gagah melangkah masuk meninggalkan 2016 yang sungguh berasjaraan dan bermakna.

Sekurang-kurangnya bagi PAS saya mengira 2016 merupakan tahun yang paling mencabar buat Parti Islam ini sepanjang lebih 60 tahun usianya.

PAS melalui cabaran dalaman terbesarnya semasa menghadapi muktamar pemilihannya pada tahun 2015. Muktamar yang diadakan di Kuala Selangor itu telah melihat pertandingan paling sengit dalam sejarah PAS sehingga semua jawatan tertinggi dalam parti ditandingi.

Sebagai mana yang semua ketahui bahang panas pemilihan pucuk pimpinan dalam PAS itu dimuktamadkan dengan kemahuan para perwakilan apabila Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dikekalkan sebagai presiden dengan lebih 70 peratus sokongan diikuti Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man sebagai timbalan dan Ustaz Idris Ahmad, Ustaz Dato' Mohamad Amar Nik Abdullah dan Dato' Iskandar Abdul Samad masing-masing sebagai naib presiden.

Keputusan muktamar lazimnya buat PAS diterima dengan hati terbuka dan masing-masing yang kalah dan menang bertaut kembali demi kepentingan perjuangan dan jemaah.

Ini walau bagaimanapun tidak berlaku ketika itu apabila pemuka-pemuka yang kalah bertindak mengkhianati perjuangan dan menubuhkan parti baharu demi agenda peribadi.

Tindakan luar biasa itu dianggap sesetengah pihak khasnya para penganalisa sebagai paku terakhir buat keranda PAS. Ramai meramal konon-kononnya pemberontakkan terhadap PAS,

2017, tahun PAS kukuhkan kedudukan

roslansms@gmail.com
MENERJANG BADAI
ROSLAN SMS

dengan terjun keluar ahli-ahlinya ke parti baharu itu bakal melumpuh dan menamatkan riwayat PAS.

Ramai yang percaya ketika itu. Kerana itu 2016 penting buat PAS. Jika PAS bakal lumpuh dan tamat riwayatnya, maka 2016 adalah tahun bersejarah persemadian PAS.

Jelas PAS bukan perjuangan peribadi mana-mana individua atau kelompok. PAS adalah sebuah gerakan Islam, kekuatannya pada dasar dan aqidah perjuangannya. Perjuangannya tidak akan terkubur atau tidak mampu terpadan walaupun berlaku pengkhianatan atau perberontakkan dalaman sesegit mana pun.

2015 sekeral dua bekas pimpinannya berserta penyokong masing-masing telah mengkhianati PAS dengan nafsu dan angan-angan besar mahu menggantikan PAS, tetapi apa yang berlaku pada 2016 api perjuangan PAS bukannya malap, malah sebaliknya menjadi makin marak dan panas menyala.

Dalam tempuh yang sangat singkat semua kawasan-kawasan PAS yang terjejas dengan pemberontakkan pimpinannya

telah berjaya dipulihkan dan hari ini masing-masing berdiri tegar dan teguh dengan giat membuka dan menubuhkan cawangan-cawangan baharu. Keahlian PAS pun semakin mencakar naik pada tahun 2016.

Termyata pengalaman luas dan bacaan politik yang tajam yang dimiliki Tuan Guru Presiden PAS berserta pasukan saf kepimpinan baharunya berjaya mengemudi bahtera PAS menjadi parti yang semakin disegani dan diberi perhatian.

Jika sebelumnya ada yang menjangkakan PAS akan lumpuh, ternyata mereka semua tersasar jauh dan tersilap.

Malah 2016 PAS semakin mantap dan terkehadapan dalam mencetuskan isu-isu besar sehingga ia meniti hangat dibibir masyarakat dan rakyat.

"Budaya Politik Matang dan Sejahtera" yang diperkenalkan PAS berjaya melontarkan PAS sebagai sebuah gerakan Islam dan parti politik yang semakin disenangi ramai dan malah hujah-hujah dan pandangan pimpinan PAS khasnya wakil-wakil rakyat di Parlimen dan dewan-dewan negeri serta di majlis-majlis forum tempatan dan antarabangsa semakin diberi perhatian kerana kematangan dan maklumatnya.

Tiada lagi suara ahli-ahli Parlimen PAS yang celupar, terpekkololong dan biadap sebaliknya setiap yang bangun berhujah, pandangannya diberi perhatian dan dihormati, mencerminkan akhlak dan

keperibadian sebenar wakil yang mewakili suara gerakan Islam.

RUU355 turut meletakkan PAS sebagai sebuah gerakan Islam yang serius dan tiada kompromi dalam menjuarai tuntutan perjuangan Islam. Masyarakat Malaysia khasnya rakyat yang beragama Islam melihat kesungguhan PAS itu dalam berjuang memperkasakan syariat Islam, walaupun dikritik dan dibenci pihak tertentu yang berkepentingan dan pihak-pihak minoriti yang tidak toleran.

Demi Islam PAS sanggup berkerjasama dengan sesiapa pun, suatu pendirian yang jelas dan konsisten yang sangat dihormati rakyat jelata.

2016 juga menyaksikan PAS terserlah dalam platform antarabangsa. PAS dilihat ke hadapan khasnya dalam isu penderitaan dan penindasan kaum Rohingya di Myanmar serta dalam isu Syria.

Pada saat pihak lain sibuk berangan-angan merampas kerusi PAS dan negeri PAS, ahli-ahli dan pimpinan PAS terjun kepada kawanan masyarakat, prihatin pada nasib dan kebijakan rakyat dengan mendengar suara dan rintihan mereka dalam pelbagai forum di samping memberi khidmat dan menyurukkan bantuan.

Sesungguhnya rakyat Malaysia melihat semua ini, dan dengan kematangan dan kemampuan berfikir mereka, insyallah mereka tahu siapa pilihan mereka apabila tiba Pilihan raya umum nanti.

Tidak dinafikan mereka akan lebih condong dan cenderung

pada kelompok yang serius dan istiqamah dalam perjuangan mereka, dan setakat ini, dengan 2016 sebagai bukti, tiada yang menepati kriteria ini melainkan PAS.

2016 tahun yang didakwa sesetengah penganalisa sebagai tahun PAS akan lumpuh dan terkubur, kononnya dengan penubuhan Pan dan putusnya hubungan politik dengan DAP ternyata satu retorik kosong.

PAS malah memposisikan dirinya semakin relevan dan diperlukan rakyat dan mana sahaja parti politik yang sedar akan kekuatan dan kemampuannya. Ini bukan omong kosong tetapi satu fakta yang sukar disangkal.

Seorang penganalisa veteran akbar harian *The Star*, Joceline Tan dalam satu tulisannya memberikan kesimpulan terbaik buat PAS. Katanya: "PAS masih kekal sebagai sebuah parti Melayu yang perlu diberi perhatian. Ia mempunyai kekuatan besar dari kalangan ulama dan profesional yang muda dan istiqamah yang bakal membentuk masa depan partinya dan malah mungkin juga negara."

2016 telah melihat PAS mengukuhkan kedudukannya dan tidak mustahil 2017 pula ia akan melonjak lebih jauh ke hadapan dengan komitmen dan dokongan ahli-ahlinya yang lebih 1 juta orang itu.

Selamat Tahun baru Masehi 2017.

'SEMUA BOLEH SELESAI'

Mokhtar enggan keruh keadaan, yakin baki kontrak Zainal mampu dilunaskan

Aziman Rosdi
 aziman@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Timbalan Presiden Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) Datuk Mokhtar Ahmad tidak mahu menudung jari kepada mana-mana pihak mengenai tuntutan baki kontrak bekas jurulatih Zainal Abidin Hassan sebaliknya isu itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Exco FAS minggu depan.

Biarpun tidak menjelaskan pihak mana yang sepatutnya melangsaikan bayaran pampasan itu yang difahamkan berjumlah hampir RM900,000 berdasarkan baki kontrak hingga November 2017, beliau yakin masalah itu boleh diselesaikan.

Berhubung status tuntutan Zainal ia mungkin akan dibincangkan dalam mesyuarat Exco FAS yang dijangka akan diadakan minggu depan. Apa-apa perkara yang rumit haruslah dibincangkan dalam mesyuarat,

kami mahu meredakan keadaan.

"Saya tidak boleh memberikan jawapan kerana perkara ini harus dibincangkan bersama ahli Exco FAS," katanya.

Tidak reda dengan isu ketiadaan dana bagi skuad Red Giants musim ini, FAS sekali lagi dihimpit kontroversi apabila Zainal yang dipecat pada 6 Ogos lalu tampil mendedahkan mengenai masalah bayaran baki kontraknya kelmarin.

Arena Metro melaporkan, Zainal tidak menerima ba-

yan baki kontrak penuh seperti yang dijanjikan sebaliknya masih menerima bayaran gaji bulanan hingga Oktober lalu.

Apa yang mencetuskan tanda tanya buat pengendali berusia 55 tahun itu apabila hingga kini beliau masih belum menerima surat rasmi penamatkan kontrak selepas dipecat menerusi mesej pesanan ringkas daripada Presiden Datuk Seri Mohamed Azmin Ali pada 6 Ogos disusuli kenyataan media oleh bekas pengurus Amirudin Shari sehari se-

lepas itu.

Ketika ditanya adakah pihak yang bertanggungjawab yang membawa masuk dan memecat Zainal iaitu Azmin dan Amirudin yang seharusnya menyelesaikan masalah bayaran itu, Mokhtar enggan memberikan penjelasan.

"Saya tidak boleh komen mengenai hal itu. Ini kerana kami tidak mahu mengruhan lagi keadaan. FAS berusaha untuk mencari jalan penyelesaian, bukannya mahu menambahkan lagi masalah," katanya.



>> Zainal Abidin Hassan dipecat pada Ogos lalu sebagai pengendali Selangor

Headline	Polis tahan empat pekerja MPK		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Jan 2017	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	5	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	49 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,131
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,392



Polis tahan empat pekerja MPK

Klang: Polis menahan lima lelaki termasuk empat kakitangan Majlis Perbandaran Klang (MPK) bagi membantu siasatan dalam insiden letupan bunga api di Kompleks Sukan Pandamaran di sini, Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Alzafny Ahmad Ahmad berkata, semua suspek yang juga rakyat tempatan itu berusia 30 hingga 40-an.

“Semua tangkapan itu dilakukan di beberapa rumah di sekitar Klang pada awal pagi tadi (semalam) dan semalam (kelmarin).

“Ada daripada mereka tampil menyerah diri kepada polis,” katanya ketika dihubungi Harian Metro, di sini, semalam.

Kata beliau, kelima-lima suspek direman sehingga 8 Januari depan bagi membantu siasatan.



Apalah nasib kami!

■ Penghuni Pangsapuri Seri Nipah tempuh rutin jijik harian

Siti Nor Amirah Abu Bakar
hmetroshahalam
@hmetro.com.my

Shah Alam

Ibarat diseksa 'hidup hidup'. Begitu keluhan penduduk Pangsapuri Seri Nipah, Seksyen 22, di sini, yang terpaksa menempuh rutin harian menjijikkan sejak sekian lama.

Tinjauan Metroplus mendapati kawasan perumahan itu bukan saja tidak diselenggara dengan baik kerana persekitaran yang busuk dan kotor, malah ia tidak sesuai untuk didiami.

»2



LALUAN koridor pangsapuri bergelap tanpa lampu manakala sampah-sarap dibuang di merata tempat.

Terpaksa baiki sendiri

■ *Pemilik rumah belanja lebih demi keselesaan penyewa pangsapuri*

Selain masalah sampah, kebocoran air kerap berlaku menyebabkan beberapa bahagian dalaman rumah penduduk mula mereput.

Pemilik rumah, Normah Atan, 55, berkata, dia terpaksa mengeluarkan wang sendiri membaiki kerosakan rumah supaya dapat memberikan keselesaan kepada dirinya dan penyewa baru.

"Saya memang sudah lama tidak tinggal di pangsapuri ini, tetapi sentiasa datang untuk melihat keadaan rumah dan penyewa. Kali ini, saya menghabiskan RM1,200 untuk membaiki dinding dan lantai rumah.

"Bukan saja terpaksa me-

nanggung kos tinggi, penyewa saya juga bimbang dijangkiti penyakit kerana persekitaran yang kotor," katanya.

Penduduk,

Saiful Mohd, 29, berkata, sejak masalah itu berlarutan, kemudahan lif turut rosak menyebabkan penghuni

terpaksa menggunakan tangga yang licin dan berlumut.

"Sebelum ini, isteri saya yang sarat mengandung terpaksa menggunakan tangga yang permukaannya amat membahayakan," katanya memaklumkan masalah itu timbul sejak hampir tiga tahun lalu.

Menurutnya, dia kesal belum ada pihak tampil membantu sehingga kini.

"Kediaman kami di kawasan terpencil dan apabila timbul masalah seumpama ini, penghuni rasa kecewa kerana ia berlarutan," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Kelab Harmoni Selangor (KHS) Dr V Sunder menggesa semua pihak berbincang bagi menyelesaikan isu berkenaan.

"Saya dimaklumkan Bandar Pengurusan Bersama (JMB) pangsapuri itu berisiko untuk dibubarkan apabila Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mengeluarkan surat peringatan pada 30 Disember lalu supaya mengadakan mesyuarat agung tahunan (AGM) dalam masa 22 hari.

"Justeru, saya berharap masalah ini diselesaikan dengan baik demi kebajikan penduduk," katanya.

“
Bukan saja terpaksa menanggung kos tinggi, penyewa saya juga bimbang dijangkiti penyakit kerana persekitaran yang kotor”
Normah



TANGGA berlumut akibat kebocoran air menimbulkan rasa tidak selesa penghuni.



KEADAAN air
yang bocor
menyebabkan
permukaan
kuluan kotor.

Headline	Pengguna pentingkan diri sendiri		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	179,231
Page No	6	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	213 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,359
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,077



Pengguna pentingkan diri sendiri

Kuala Lumpur: Mentaliti kelas ketiga. Itu gelaran sesuai bagi segelintir masyarakat di negara ini yang mementingkan diri sendiri ketika meletak kenderaan sehingga menimbulkan masalah dan kemarahan kepada orang ramai.

Tinjauan Metroplus di 10 lokasi tumpuan sekitar Lembah Klang mendapati terdapat banyak kesalahan meletak kenderaan di semua kawasan parkir di lokasi berkenaan terutama menggunakan dua petak parkir dan meletak kenderaan di bahu jalan.

Selain itu, tidak kurang juga pemandu yang menyalah guna tempat meletak kenderaan orang kurang upaya (OKU) dan lebih teruk, ada pemandu yang meletak kenderaan mereka di hadapan pintu premis menyukarkan orang ramai melalui kawasan itu.

Pembantu perubatan yang

mahu dikenali sebagai Redza, 37, berkata, setiap hari pasti ada kenderaan yang membuat kesalahan meletak kenderaan di kawasan hospital tempat dia bekerja.

"Tidak dinafikan, mereka yang datang ke sini kebanyakannya pesakit tetapi ramai pula yang 'sakit otak' sehingga tidak mempedulikan kesusahan orang lain dan terlalu mementingkan diri sendiri," katanya ketika ditemui di sebuah hospital di sini.

